

21 JUN 2004

NAKAMICHI-KEPUTUSAN/I

NAKAMICHI JANGKA KEPUTUSAN LEBIH BAIK BAGI TAHUN KEWANGAN AKAN DATANG

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Nakamichi Corporation Bhd, pengeluar produk gaya hidup dan mewah, mengunjur dapat mencapai keputusan yang lebih baik pada tahun kewangan akan datang berbanding tahun lepas, kata pengerusinya Mirzan Mahathir.

Beliau berkata prestasi dari segi perolehan dan keuntungan sebelum cukai dijangka lebih tinggi daripada tahun sebelumnya sekiranya tiada aral melintang.

"Prestasi kami di tahun sebelumnya lebih rendah kerana wabak SARS dan krisis Timur tengah. Terdapat kelembapan dalam permintaan pengguna dan menjejaskan kuantiti kami," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat (AGM) di sini hari ini.

Beliau berkata kumpulan akan memberi tumpuan kepada aktiviti terasnya dalam pembuatan produk gaya hidup dan mewah serta meletakkannya untuk menawarkan kemampuan pembuatannya kepada jenama lain.

Beliau berkata sejajar dengan dasar syarikat, ia akan terus memperkemarkan pengurusan operasi dan kos pengeluaran.

Ini sebaliknya akan meningkatkan kecekapan dan kualiti bagi memenuhi cabaran tahun ini, iaitu mencapai pertumbuhan dalam ketidaktentuan dunia dan peningkatan pasaran.

Nakamichi mencatatkan perolehan yang lebih rendah sebanyak RM109.894 juta bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Dis, 2003 berbanding dengan RM126.135 juta bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Ia mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM97,328 berbanding dengan RM618,512 bagi tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. -- BERNAMA

ZUZ KTC NHD